



**KERTAS 1**  
Jawab **semua** soalan.  
Masa 1 jam 15 Minit

**BAHAGIAN A**  
**(20 MARKAH)**

Masa yang dicadangkan untuk bahagian ini ialah **30 minit**


Soalan 1 hingga 20

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Pilih satu jawapan yang terbaik bagi tiap-tiap soalan dan **bulatkan** jawapan anda di dalam kertas jawapan yang disediakan.

1. Berikut adalah ciri-ciri alam musyahadah **kecuali**

- A. Alam yang boleh dimunafatkan oleh manusia.
- B. Alam yang tidak boleh ditanggapi oleh pancaindera.
- C. Akal mampu mentafsir, mengkaji dan menyelidik.
- D. Kenikmatan yang diperolehi tidak kekal.

2.



Rajah di atas menerangkan konsep Y. Apakah konsep Y ?

- A. Rabbaniyyah
  - B. Rububiyyah
  - C. Asma' wa sifat
  - D. Asma al-Husna
3. Berikut ialah ciri-ciri wahyu **kecuali**
- A. Diturunkan kepada semua manusia.
  - B. Diturunkan kepada nabi dan rasul.
  - C. Disampaikan melalui Jibril.
  - D. Kebenarannya mutlak.
4. Antara ciri-ciri perawi dalam hadis sahih ialah
- A. Fasiq.
  - B. Thiqah.
  - C. Musyrik.
  - D. Munafiq

5. Manakah antara berikut merupakan konsep syumuliyah dalam bidang keilmuan
- Ilmu Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah.
  - Ilmu Hadis dan Ulum al-Quran.
  - Ilmu Akhlak dan Syariah.
  - Ilmu Logik dan Sains
6. Pengertian Qisas ialah
- Membalas perbuatan penjenayah dengan perbuatan yang serupa dengan apa yang telah dilakukan.
  - Hukum yang telah ditetapkan oleh syarak yang wajib dilaksanakan sebagai menunaikan hak Allah s.w.t.
  - Membalas perbuatan penjenayah dengan perbuatan yang mengikut kehendak waris mangsa.
  - Hukum yang telah ditetapkan oleh syarak yang harus dilaksanakan sebagai menunaikan hak Allah s.w.t.
7. Perkara berikut perlu dilakukan untuk menjaga akal **kecuali**
- Mengkaji kejadian alam.
  - Makan makanan yang berzat.
  - Berfikir tentang perkara yang positif.
  - Berfikir tentang zat Allah s.w.t.
- 8.
- Agama Islam diwahyukan oleh Allah s.w.t.
  - Islam adalah satu pegangan yang jitu dan bersih daripada kekurangan, kejahilan dan dorongan hawa nafsu.
  - Islam dan seluruh makhluk merupakan hak Allah s.w.t.
  - Allah s.w.t. sebagai pemberi peraturan hidup.

Pernyataan di atas menerangkan tentang prinsip-prinsip

- Murunah
  - Alamiyyah
  - Waqi'yyah
  - Rabbaniyyah
9. Matlamat pembentukan negara Islam adalah seperti berikut **kecuali**
- Melaksanakan kebajikan dan mencapai kebahagiaan.
  - Menegakkan perundangan dan hukum Allah s.w.t.
  - Memilih ketua negara melalui Majlis Syura.
  - Merealisasikan keadilan.

10. Berikut adalah cara memelihara kehormatan diri **kecuali**

- A. Menjaga lisan.
- B. Menutup aurat.
- C. Menghindarkan perbuatan zina.
- D. Mengamalkan pergaulan bebas.

Soalan 11 hingga 12, berdasarkan pilihan jawapan di bawah :

A	B	C	D
Zakat	Al-Mudarabah	Manipulasi	Al-Murabahah

- 11. Mengeluarkan harta tertentu untuk diberikan kepada golongan yang tertentu dengan syarat-syarat tertentu.
- 12. Menggunakan kebolehan atau kemahiran tertentu untuk mendapatkan faedah peribadi dengan cara yang salah.
- 13. Ahmad, Ah Kaw dan Arumugam melaburkan sejumlah wang dalam institusi kewangan Islam. Keuntungan yang diperolehi dari pelaburan ini dibahagikan antara mereka dan institusi menurut syarat-syarat kontrak.

Situasi di atas merujuk kepada \_\_\_\_\_ .

- A. Al-Murabahah.
- B. Al-Mudarabah.
- C. Al-Ijarah.
- D. Ar-Rahnu.

14. Berikut adalah syarat-syarat mencari harta mengikut syariat Islam

- i. Mencari harta yang halal.
  - ii. Mencari harta kerana Allah s.w.t.
  - iii. Mencari harta dengan tekun dan ikhlas.
  - iv. Mencari harta sehingga mengabaikan ibadat khusus.
- A. i, ii dan iii.
  - B. ii, iii dan iv.
  - C. i, ii dan iv.
  - D. i, iii dan iv.

15. Kenyataan manakah menerangkan kepentingan perkahwinan

- i. Mengelakkan daripada perbuatan zina.
- ii. Menjauhi sikap derhaka kepada ibubapa.
- iii. Memberi kebahagiaan kepada keluarga.
- iv. Memberi nafkah kepada keluarga.

- A. i, ii dan iii.
- B. ii, iii dan iv.
- C. i, ii dan iv.
- D. i, iii dan iv.

16. Pilih pernyataan yang benar mengenai ciri-ciri ajaran sesat.

- i. Memuliakan seseorang ahli agama.
- ii. Mendakwa dirinya sebagai Imam al- Mahdi.
- iii. Mentafsir al-Quran dan al-Hadis mengikut logik akal semata-mata.
- iv. Meyakini bahawa tiada kitab lain yang mampu menandingi al-Quran.

- A. i dan ii.
- B. iii dan iv.
- C. ii dan iii.
- D. i dan iv.

17. Ciri-ciri penyelesaian masalah menurut Islam ialah

- i. Menepati kehendak hukum syarak.
- ii. Mencari punca dan penyebab masalah
- iii. Meneguhkan keimanan kepada Allah s.w.t.
- iv. Merujuk kepada orang yang berilmu.

- A. i dan ii.
- B. iii dan iv.
- C. ii dan iii.
- D. i dan iv.

18. Keistimewaan pekerjaan yang halal ialah

- i. Dipandang mulia.
- ii. Diredai dan diberkati.
- iii. Mendapat pulangan secara mudah.
- iv. Mendapat dalam kesejahteraan dunia dan akhirat.

- A. i, ii dan iii.
- B. ii, iii dan iv.
- C. i, ii dan iv.
- D. i, iii dan iv.

19. Manakah antara berikut menerangkan prinsip-prinsip 'Alamiyah.

- i. Menegakkan keadilan sejagat.
- ii. Islam menjamin hak asasi manusia.
- iii. Islam agama yang mudah dan praktikal.
- iv. Menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran.

- A. i, ii dan iii.
- B. ii, iii dan iv.
- C. i, ii dan iv.
- D. i, iii dan iv.

20. Berikut menerangkan kelayakan yang perlu ada pada seorang hakim.

- i. Berwibawa.
- ii. Bertolakansur.
- iii. Berfikiran terbuka.
- iv. Berpandangan jauh.

- A. i dan ii.
- B. iii dan iv.
- C. ii dan iii.
- D. i dan iv.

**BAHAGIAN B**


(20 markah)

*Jawab semua soalan*Masa yang dicadangkan untuk bahagian ini ialah **45 minit**.

1. Tuliskan alam ghaib yang bersesuaian dengan pernyataan berikut di dalam ruangan yang disediakan.

- |   |  |
|---|--|
| a. Hari kehancuran dan kemusnahan alam.                                     |  |
| b. Merupakan tempat sementara menunggu hari akhirat.                        |  |
| c. Amalan baik dan jahat ditimbang untuk menentukan haluan seterusnya.      |  |
| d. Manusia melalui titian untuk menentukan yang mana taat atau ingkar.      |  |
| e. Tempat yang indah dan penuh kenikmatan.                                  |  |
| f. Tempat siksaan yang dikhaskan kepada orang yang mengingkari Allah s.w.t. |  |

2. Carta di bawah adalah mengenai kesalahan jenayah dalam Islam.




Nyatakan hukuman hudud yang dikenakan ke atas kesalahan jenayah dalam ruangan berikut:

- a. \_\_\_\_\_.
- b. \_\_\_\_\_.
- c. \_\_\_\_\_.

3. Nyatakan hukum bagi perbuatan berikut:

- a. Mengeluarkan zakat harta : \_\_\_\_\_.
- b. Manipulasi dalam perniagaan : \_\_\_\_\_.
- c. Bersedekah : \_\_\_\_\_.

4. Rajah di bawah adalah tentang sistem muamalat dalam Islam.



Nyatakan istilah bagi yang berikut.

- a. \_\_\_\_\_.
- b. \_\_\_\_\_.
- c. \_\_\_\_\_.

5. Tandakan sama ada pernyataan berikut <b>benar</b> ATAU <b>salah</b> dengan menandakan (✓) pada kotak yang disediakan.		<i>Untuk kegunaan pemeriksa</i>	
BENAR	SALAH		
a. Qisas ialah hukuman yang ditentukan oleh pemerintah.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	1
b. Waqī'iyah mengajak manusia mempercayai perkara-perkara yang tidak dapat dibuktikan dengan hujah radikal	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	1
c. Islam mengiktiraf pemikiran dan pendapat manusia selagi tidak bertentangan dengan ketetapan Allah s.w.t.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	1
d. Perkara sam'iyat ialah persoalan yang tidak mampu difikir oleh akal tanpa bimbingan wahyu.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	1
e. Al-Ijarah ialah satu cara menolong orang yang memerlukan sesuatu barangan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	1

**KERTAS JAWAPAN****Bahagian A**

1    A    B    C    D

2    A    B    C    D

3    A    B    C    D

4    A    B    C    D

5    A    B    C    D

6    A    B    C    D

7    A    B    C    D

8    A    B    C    D

9    A    B    C    D

10   A    B    C    D

11   A    B    C    D

12   A    B    C    D

13   A    B    C    D

14   A    B    C    D

15   A    B    C    D

16   A    B    C    D

17   A    B    C    D

18   A    B    C    D

19   A    B    C    D

20   A    B    C    D

<b>BAHAGIAN A</b>

**SOALAN KERTAS 1 TAMAT**

**KERTAS 2****MASA : 2 JAM 30 MINIT****(100 MARKAH)**Jawab **Lima** soalan.Soalan **1 wajib** dijawab dan pilih **empat** soalan yang lain.

1. a. Memahami Wahyu dapat mendekatkan diri kepada Allah S.W.T
  - (i) Berikan pengertian wahyu. [ 2 markah ]
  - (ii) Jelaskan ciri-ciri wahyu. [ 6 markah ]
- b. Allah S.W.T memerintahkan manusia kembali kepada Al- Quran apabila berlaku perselisihan.
  - (i) Terangkan **tiga** keistimewaan al-Quran dalam menyelesaikan masalah. [ 6 markah ]
  - (ii) Cadangkan aktiviti-aktiviti penghayatan al-Quran yang boleh dilaksanakan di kalangan masyarakat. [ 6 markah ]
2. a. Waqif'iyah bermaksud praktikal dan mampu diamalkan oleh semua manusia.
  - (i) Terangkan maksud Waqif'iyah. [ 2 markah ]
  - (ii) Jelaskan **dua** prinsip Waqif'iyah. [ 4 markah ]
- b.
  - (i) Terangkan maksud Murunah berserta contoh. [ 4 markah ]
  - (ii) Jelaskan **dua** kelebihan sifat murunah. [ 4 markah ]
- c. Salah satu daripada tugas hakim ialah menjatuhkan hukuman dengan adil dan saksama  
Terangkan **tiga** kesan terhadap masyarakat sekiranya hakim tidak berlaku adil dalam masa. [ 6 markah ]

- 3 a. Nyatakan maksud serta berikan contoh bagi fahaman berikut.
- (i) Sekularisme [ 4 markah ]
- (ii) Materialisme [ 4 markah ]
- b. Liberalisme adalah fahaman yang bertentangan dengan Islam.  
Huraikan **tiga** gagasan fikiran yang terkandung di dalam fahaman tersebut.  
[ 6 markah ]
- c. Negara Islam pertama ditubuhkan oleh Rasulullah S.A.W di Madinah pada tahun 623M.
- (i) Terangkan maksud negara Islam.  
[ 2 markah ]
- (ii) Nyatakan **empat** prinsip negara Islam.  
[ 4 markah ]
4. a. Harta adalah milik Allah yang diamanahkan kepada manusia untuk menguruskannya.
- (i) Cadangkan **tiga** cara membelanjakan harta supaya diredhai oleh Allah.  
[6 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** bentuk ujian Allah kepada mereka yang berharta.  
[4 markah]
- b. Manipulasi adalah satu bentuk perniagaan yang diharamkan oleh Islam kerana wujud di dalamnya unsur penipuan.  
Cadangkan tiga cara bagi mengatasi masalah manipulasi dalam perniagaan.  
[ 6 markah ]
- c. Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.  
Bagaimanakah amalan riba dapat dielakkan oleh umat Islam.  
[ 4 markah ]

5. a. Antara jenis-jenis hukuman yang terdapat dalam undang-undang jenayah Islam ialah hukum Hudud, Qisas dan Ta`zir.
- (i) Jelaskan **dua** perbezaan antara hukum Ta`zir dengan hukum Qisas.  
[ 4 markah ]
- (ii) Berikan **empat** jenis kesalahan hudud beserta hukumnya  
[ 8 markah ]
- b. Nyatakan **dua** syarat menjadi saksi.  
[ 2 markah ]
- c. Terdapat segelintir pelajar yang mengabaikan tanggungjawab mereka dalam menuntut ilmu.  
Jelaskan **tiga** langkah yang perlu diambil bagi mengatasi gejala tersebut.  
[ 6 markah ]
6. a. (i) Jelaskan **dua** adab bergaul dalam Islam.  
[ 4 markah ]
- (ii) Terangkan **tiga** kesan buruk sekiranya terdapat pekerja yang tidak beretika.  
[ 6 markah ]
- b. Huraikan **dua** cara untuk menjadi pelajar berdisiplin.  
[ 4 markah ]
- c. Jelaskan **tiga** cara memelihara keturunan.  
[ 6 markah ]
7. a. Terdapat segelintir pelajar suka membuli rakan-rakan di sekolah.
- (i) Nyatakan **empat** sebab masalah tersebut berlaku.  
[ 4 markah ]
- (ii) Kemukakan **tiga** program untuk menangani masalah tersebut.  
[ 6 markah ]
- b. Penyelesaian masalah secara Islam mewujudkan ketenangan jiwa kepada kehidupan umat.  
Huraikan **tiga** cara penyelesaian masalah boleh mewujudkan situasi di atas  
[ 6 markah ]
- c. Antara budaya kerja Islam yang menentukan kejayaan pelajar ialah tekun.  
Berikan **empat** contoh amalan tersebut di kalangan pelajar.  
[ 4 markah ]

**KERTAS SOALAN TAMAT**

**SKEMA PEMARKAHAN SET 1  
KERTAS 1****BAHAGIAN A**

1.	B	2.	A	3.	A	4.	B	5.	A
6.	A	7.	D	8.	D	9.	C	10.	D
11.	A	12.	C	13.	A	14.	A	15.	D
16.	C	17.	D	18.	C	19.	C	20.	D

**BAHAGIAN B**

1. a. ALAM AKHIRAT  
b. ALAM BARZAKH  
c. MIZAN  
d. SIRAT  
e. SYURGA  
f. NERAKA
  
2. a. DI SEBAT 80 KALI  
b. DI SEBAT 40 KALI  
c. DI HUKUM BUNUH SETELAH DISURUH BERTAUBAT
  
3. a. WAJIB  
b. HARAM  
c. SUNAT
  
4. a. AL-TAKAFUL  
b. AL-RAHN  
c. AL-IJARAH
  
5. a. SALAH  
b. SALAH  
c. BENAR  
d. BENAR  
e. BENAR

**SKEMA KERTAS 2**

<b>NO SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>	<b>MARKAH</b>
1 (a) (i)	Kalam Allah / sesuatu daripada Allah yang disampaikan kepada rasul melalui Malaikat Jibril atau secara terus.	[ 2 markah]
(ii)	Ciri-ciri wahyu <ul style="list-style-type: none"> <li>- Datang daripada Allah</li> <li>- Disampaikan melalui Malaikat Jibril/ melalui mimpi yang benar/ disebalik tabir</li> <li>- Hanya disampaikan kepada manusia pilihan/nabi/rasul</li> <li>- Menjelaskan perkara ghaib</li> <li>- Kebenarannya bersifat mutlak / ajaran yang benar.</li> <li>- Kekal hingga akhir zaman</li> <li>- Disampaikan oleh Allah sendiri</li> </ul>	3 isi x 2m [6 markah]
(b) (i)	Dua hujah al-Quran menyelesaikan masalah. <ul style="list-style-type: none"> <li>- Al-Quran mengandungi pelbagai ilmu pengetahuan.</li> <li>- Al-Quran memberi rahmat kepada orang yang beriman</li> <li>- Wahyu al-Quran tidak dapat ditandingi</li> <li>- Wahyu al-Quran terjamin daripada sebarang perubahan.</li> </ul>	3 isi x 2m [6 markah]
(ii)	Aktiviti-aktiviti penghayatan Al-Quran di kalangan masyarakat <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengadakan majlis tadarus terutamanya pada bulan Ramadhan</li> <li>- Program menghafaz, mentafsir dan ujian tilawah</li> <li>- Mengadakan kuliah-kuliah tazkirah berdasarkan ayat Al-Quran.</li> <li>- Mengadakan kelas menghafaz Al-Quran</li> <li>- Pertandingan menulis khat dari ayat-ayat al-Quran</li> </ul>	3 isi x 2m [6 markah]
2 (a)  ( i )	Waqi'yyah bermaksud :  Praktikal, mampu diamalkan oleh semua golongan manusia.	[ 2 markah ]

NO SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
(ii)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Praktikal bukan utopia.</li> <li>- Menyelesaikan masalah.</li> <li>- Menekankan kesederhanaan</li> <li>- Positif terhadap pemikiran.</li> </ul>	2 isi x 2m [4 markah]
(b) (i)	<p>-Murunah bermaksud luwes arau anjal, iaitu boleh berubah mengikut kesesuaian, namun masih tetap atas prinsip asalnya.</p> <p>Contohnya : Solat Jmak</p> <p>Contoh yang sesuai diterima</p>	2 isi x 2m [4 markah]
(ii)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menunjukkan sifat toleransi dan berhikmah .</li> <li>- Menarik minat orang bukan Islam.</li> <li>- Menggalakkan umat Islam dalam melaksanakan perintah Allah s.w.t.</li> <li>- Memastikan kesinambungan Islam dan ajarannya.</li> </ul>	2 isi x 2m [4 markah]
(c)	<p>Tiga kesan terhadap masyarakat jika hakim tidak adil:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Jenayah akan berleluasa.</li> <li>- Masyarakat akan bertindak sendiri</li> <li>- Penindasan dan kezaliman berleluasa</li> <li>- Kesejahteraan masyarakat terancam</li> <li>- Masyarakat tidak mempercayai institusi kehakiman</li> <li>- Allah menurunkan bala.</li> </ul>	3 isi x 2m [ 6 markah]
3 (a) (i)	<p><b>Sekularisme :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Fahaman yang memisahkan nilai-nilai agama dengan kehidupan.</li> </ul> <p>Contonhnya :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengatakan bahawa urusan politik tidak boleh dicampurkan dengan urusan agama.</li> </ul>	2 isi x 2m [4 markah]
(ii)	<p><b>Materialisme :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Fahaman yang mempercayai bahawa hanya bendalah yang menyebabkan terjadinya segala sesuatu di dunia ini</li> </ul> <p>Contohnya :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Suka bermegah dengan barang-barang mewah.</li> <li>- Sekolah agama tiada prospek.</li> <li>- Memandang darjat dan keturunan.</li> </ul>	2 isi x 2m [4 markah]

NO SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
( b )	Gagasan Liberalisme : <ul style="list-style-type: none"> <li>- Individu lebih penting daripada masyarakat.</li> <li>- Masyarakat wujud untuk individu.</li> <li>- Individu bebas daripada nilai-nilai agama.</li> </ul>	3 isi x 2m [6 markah]
( i )	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Negara yang menjadikan segala pemerintahan dan pentadbirannya bersumberkan al-Quran / hukum Islam.</li> </ul>	[ 2 markah ]
(ii)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Musyawarah ( as-Syura )</li> <li>- Keadilah ( al-'Adalah )</li> <li>- Kebebasan ( al-Hurriyyah )</li> <li>- Persamaan ( al-Musawah )</li> </ul>	2 isi x 2m [4 markah]
4 (a) (i)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menggunakan harta untuk keperluan seperti makan/minum/perubatan</li> <li>- Digunakan secara berhemat/tidak membazir</li> <li>- Menuaikan ibadat wajib seperti zakat/haji</li> <li>- Membantu fakir / miskin/ fi sabilillah</li> <li>- Menyara keluarga /ibu bpa</li> </ul>	3 isi x 2m [ 6 markah ]
( ii )	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memudah mendapatkan harta / ghairah cari harta.</li> <li>- Kedekut/bakhil</li> <li>- Sombong/angkuh</li> <li>- Abaikan tanggungjawab kepada Allah</li> <li>- Belanjakan harta secara batil</li> <li>- Tidak mengeluarkan zakat / haji</li> </ul>	2 isi x 2m [4 markah]
( b )	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengenakan hukuman yang berat kepada yang terlibat</li> <li>- Kerap mengadakan serbuan/pemeriksaan ke premis perniagaan</li> <li>- Mengambil berat aduan daripada orang ramai</li> <li>- Menambah anggota penguat kuasa</li> <li>- Menawar hadiah yang lumayan kepada pemberi maklumat</li> <li>- Melindungi keselamatan / merahsiakan pemberi maklumat</li> <li>- Memberi penerangan yang berterusan keburukan amalan ini</li> </ul>	3 isi x 2m [ 6 markah ]
( c )	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Membeli barang secara tunai</li> <li>- Berbelanja mengikut kemampuan</li> <li>- Menggunakan/memilih perkhidmatan/bank yang berteraskan Syariah.</li> <li>- Hidup saling bantu-membantu</li> </ul>	2 isi x 2m [4 markah]

NO SOALAN	JAWAPAN		MARKAH
	Hukum Ta'zir	Hukum Qisas	
5. (a) i	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesalahan selain hudud</li> <li>- Hukuman ditetapkan oleh pemerintah</li> <li>- Hukuman berubah mengikut keadaan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Kesalahan melibatkan kecederaan tubuh badan dan nyawa manusia</li> <li>- Hukuman ditetapkan oleh Allah</li> <li>- Hukuman tidak boleh diubah</li> </ul>	2 isi x 2m [4 markah]
ii	<p>Zina : Jika belum berkahwin, hukumannya disebat 100 kali Jika telah berkahwin , hukumannya direjam sampai mati</p> <p>Qazaf : Disebat 80 kali</p> <p>Minum arak : Disebat 40 kali</p> <p>Mencuri : dipotong pergelangan tangan</p> <p>Murtad : Hukum bunuh setelah disuruh bertaubat dan diberi tempoh tertentu</p>		4 isi x 2 m [ 8 markah ]
(b)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- seorang lelaki yang beriman/ bertaqwa/warak</li> <li>- Berakhlak mulia</li> <li>- Bercakap benar/amanah/jujur</li> </ul>		2 markah
(c)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memberi kesedaran/motivasi tentang kepentingan ilmu</li> <li>- Pengawasan/pemantauan guru/ibu bapa</li> <li>- Tindakan tegas/penguatkuasaan disiplin oleh pihak sekolah/ibubapa</li> <li>- Galakan/ anugerah kepada pelajar yang berjaya</li> </ul>		3 isi x 2m [ 6 markah ]
6 (a) i	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tolong menolong/kerjasama antara sesama rakan</li> <li>- Bersopan ketika berkata-kata</li> <li>- Hormat menghormati / toleransi antara satu sama lain</li> </ul>		2 isi x 2m [4 markah]
ii	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Perlajanan organisasi tidak lancar/ berlaku kepincangan</li> <li>- Pelanggan memilih organisasi lain</li> <li>- Kemajuan organisasi terbantut</li> <li>- Organisasi mengalami kerugian</li> </ul>		3 isi x 2m [ 6 markah ]
(b)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Melaksanakan perkara fardu dengan sempurna</li> <li>- Mematuhi arahan ketua / guru</li> <li>- Menepati waktu dalam semua keadaan</li> <li>- Memberi keutamaan kepada pelajaran dari perkara lain.</li> </ul>		2 isi x 2m [4 markah]

NO SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
( c )	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mensyariatkan hukum perkahwinan untuk melahirkan zuriat yang sah.</li> <li>- Menetapkan hukuman yang berat terhadap pezina/penuduh zina.</li> <li>- Menetapkan peraturan mengambil anak angkat.</li> <li>- Larangan mengahwini sesama mahrah</li> <li>- Mengutamakan keturunan ketika memilih pasangan suami/isteri.</li> </ul>	3 isi x 2m [ 6 markah ]
7 ( a ) i	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengaruh rakan sebaya dalam aktiviti samseng.</li> <li>- Pengaruh pesekitaran/ media massa.</li> <li>- Kelemahan pengurusan sekolah</li> <li>- Kurang penguatkuasaan disiplin</li> </ul>	2 isi x 2m [4 markah]
ii	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Program Motivasi / kesedaran pencegahan jenayah.</li> <li>- Program penguatkuasaan disiplin yang berterusan.</li> <li>- Tindakan tegas pihak berkuasa/ kementerian/ sekolah</li> <li>- Program penghayatan Islam/ nilai murni.</li> <li>-</li> </ul>	3 isi x 2m [ 6 markah ]
( b )	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengikut ajaran al-Quran dan al-Sunnah/ amalkan Islam secara menyeluruh.</li> <li>- Tindakan pemerintah/ penguatkuasaan undang-undang Islam.</li> <li>- Memberi nasihat dengan bijaksana/ dakwah.</li> <li>- Berpegang teguh dengan akidah Islam.</li> <li>- Mendalami ilmu agama</li> <li>- Sentiasa berdoa kepada Allah s.w.t</li> <li>- Sentiasa bermuhasabah / menilai prestasi kerja.</li> </ul>	3 isi x 2m [6 markah]
( c )	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Belajar / mengulangkaji pelajaran dengan bersungguh-sungguh</li> <li>- Sabar menghadapi kesukaran ketika belajar</li> <li>- Mengikuti pengajaran guru / memberi tumpuan sepenuhnya terhadap pengajaran guru.</li> <li>- Kurangkan bermain/ berfoya-foya/ menghindarkan perbuatan sia-sia</li> <li>- Melaksanakan perkara fardu dengan sempurna.</li> <li>- Menepati waktu dalam semua perkara kebaikan.</li> </ul>	4 isi x 1m [ 4 markah ]

**SKEMA TAMAT**

**CATATAN**